



SESAK...sebahagian kenderaan yang terkandas di beberapa laluan utama sekitar ibu kota, semalam.

KL bah lagi

Banjir kilat akibat hujan lebat dua jam

>>Oleh Mohamad Hussin

mohamad@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Ibu kota digenangi air berikutan hujan lebat selama dua jam, petang semalam menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan rendah dan berhampiran tebing Sungai Klang, di sekitar ibu kota yang dinaiki air sedalam 0.6 hingga dua meter.

Banjir kilat turut menyebabkan kesesakan teruk di beberapa lebuh raya dan laluan utama di pusat bandar raya termasuk Lebuh Raya Persekutuan, Lebuh Raya Sungai Besi, Lebuh Raya Lingkaran Tengah Dua (MRR2), Jalan Duta, Segambut, Jalan Kuching, Jalan Istana, Jalan Cheras, Jalan Pudu, Jalan Selayang dan Jalan Travers.

Selain itu, Jalan Sultan Ismail, Jalan Tun Razak, Jalan Parlimen,

Jalan Ampang, Brickfields, Pantai Baru, Jalan Syed Putra, Lebuh raya Mahameru, Bulatan Cheras-Billion, Jalan Bangsar dan Jalan Pahang.

Air Sungai Bonus turut melimpah di beberapa laluan menyebabkan banyak kenderaan terkandas di sepanjang Jalan Tun Razak, Jalan Pahang dan Jalan Masjid India.

Jurucakap Trafik Jalan Bandar berkata, kesesakan teruk berlaku di jalan berkenaan dan anggota polis dikerahkan memantau dan menguruskan aliran trafik.

"Tiada kemalangan besar akibat hujan lebat itu tetapi tiga lampu isyarat iaitu di Jalan Parlimen menuju Cenderawasih, Jalan Sultan Ismail ke Jalan Raja Laut dan Jalan Sultan Ismail ke Ampang (dekat Hotel Renaissance) tidak berfungsi akibat dipanah petir," katanya.